

BULETIN



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سنڤالڤور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

HORIZON

EDISI 14

Perutusan Rektor
KUIS 2018:

**7 Budaya
Malu &
Keunikan
Puzzle**

KUIS Terima
Anugerah 4 Bintang
SETARA 2017

Sadaqa House
Book Launch
during WIEF 2017

KUIS
Tawar 23
Program
Baharu

Peranan
**PENASIHAT
UNDANG-UNDANG**
di KUIS

Assalamualaikum w.r.t w.b.t dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadirat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya Buletin HORIZON edisi ke-14 tahun 2017 ini dapat dihasilkan dengan jayanya. Terima kasih kepada semua yang turut membantu dan memberikan komitmen padu dalam menghasilkan buletin ini.

2017 hampir melabuhkan tirainya. Sepanjang tahun ini pelbagai detik-detik manis yang boleh dikongsikan seperti Majlis Konvokesyen KUIS kali yang ke-20, pencapaian KUIS dalam SETARA 2017, program-program baharu, anugerah-anugerah yang diterima oleh pelajar dan kakitangan KUIS yang mana ianya telah melonjakkan nama KUIS di persada dunia.

Peningkatan kutipan zakat dan wakaf juga menunjukkan bahawa masyarakat percaya KUIS mampu mengorak langkah maju ke hadapan untuk memberikan ruang dan peluang pendidikan kepada anak-anak muda yang dahagakan ilmu pengetahuan.

Penawaran program yang semakin meningkat daripada 51 program kepada 71 program yang telah mendapat kelulusan MQA membuktikan bahawa program yang dilaksanakan oleh KUIS seiring dengan kehendak semasa. Usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi jumlah pengambilan pelajar baharu perlu diperkasakan dari semasa ke semasa.

Dalam usaha menyahut cabaran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu "Soaring Upwards" program mobiliti pelajar terus diperkasakan agar KUIS tidak ketinggalan dalam setiap sudut. Program mobiliti dan pertukaran pelajar yang dijalankan telah membuka minda dan memberikan peluang dan pengalaman berharga kepada mahasiswa KUIS menimba ilmu di perantauan walaupun hanya seketika.

Jalinan kerjasama juga semakin meningkat sama ada melalui Memorandum Persefahaman (MoU) mahu pun Memorandum Perjanjian (MoA) yang mana membuktikan bahawa KUIS mempunyai nilai istimewa dalam melahirkan generasi Da'i, Ulama dan Umara.

KUIS sentiasa berusaha memperbaiki mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa dan memastikan sistem penyampaian maklumat yang efektif khususnya kepada mahasiswa KUIS. Pandangan dan komentar ke arah penambahbaikan sentiasa dialu-alukan.

Semoga dengan kedatangan tahun baru 2018 akan memberikan kejayaan yang cemerlang kepada KUIS dalam pelbagai bidang.

Pemangkin Tradisi Ilmu

DISINI LAHIRNYA... DA'I, ULAMA & UMARA

DR ZULKIFLI BIN HJ. ABD HAMID

Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan & Pengantarabangsaan)
Merangkap Ketua Editor Buletin Horizon

Tinta Pengarang



Isi Kandungan

- 1 | Tinta Pengarang
- 2 | Sidang Editorial
- 3 | Perutusan Rektor KUIS 2018
- 4-5 | Peranan Penasihat Undang-Undang KUIS
- 6 | Majlis Konvokesyen Sempena 2 Dekad KUIS
- 7 | KUIS Terima Anugerah 4 Bintang SETARA 2017
- 7 | KUIS Tawar 23 Program Baharu
- 8 | Aspirasi Zakat Menjana Pembangunan Mahasiswa KUIS
- 9-10 | Pencapaian Mahasiswa KUIS
- 11 | KUIS Tempat ke-4 dalam Kejohanan SUPTIM XVIII 2017
- 11 | KUIS Tempat ke-3 Sepanduk Terbaik Perarakan Bersempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor Tahun 1439H / 2017M
- 11 | KUIS Rangkul Tempat ke-3 KESUMAS 2017
- 12 | Mevlana Exchange Program Sakarya University
- 13 | Fakulti Syariah & Undang-undang : Fakulti Ummah
- 14 | CSR 2.0 KUIS DI Anuban Wangthong Islamic School Krabi Thailand
- 14 | KUIS di Hati, KUIS Pilihan Semua
- 15 | Program Mobiliti Pelajar KUIS ke ST3 Purwokerto, Indonesia
- 16 | Kunjungan Mobiliti & Penganjuran ISOT 2017
- 17 | Sadaqa House Book Launch During WIEF 2017
- 18-19 | MoU & MoA yang telah dimeterai KUIS pada tahun 2017
- 20 | Seminar KUIS 2017
- 21 | KUIS Terima 3,273 Pelajar Baharu 2017

Sidang Editorial

Penaung

Profesor Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri
Rektor

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Hj. Abd Hamid
Timbalan Rektor Pengurusan Korporat
(Pembangunan & Pengantarabangsaan)

Editor

En. Hafiz Mohd Radzi
Ketua Bahagian Pemasaran & Komunikasi

Wartawan

- Dr. Md Noor Husin
- Dr. Norziah Othman
- Pn. Suhana Mohd Lip
- En. Muhamad Subari Ramli
- En. Halim Mokhtar
- Pn. Aliah Zulkifli
- Pn. Nurhairunisa Mohamad
- Us. Ahmad Shafiq Mat Razali
- Pn. Ani Abdul Jalil
- En. Hafizi Md Napi
- Pn. Siti Nurulain Zorkeply
- Pn. Mudzilah Aishah Pawanteh
- En. Mazzaid bin Mazelan
- Pn. Marziana Abdul Majid

Perunding Grafik

- En. Mohd Baihaqi Ramli
- En. Shahrizam Azmer Mohamad

Pembaca Prof

Pn. Raja Nor Ashikin Raja Ramli



PERUTUSAN REKTOR KUIS 2018

7 BUDAYA MALU & KEUNIKAN PUZZLE

Assalammuallaikum w.r.t w.b.t

Segala pujian hanya bagi Allah SWT yang memberikan nikmat dan rahmat kepada kita. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang menjadi penyatu ummat di dalam sejarah peradaban manusia berpandukan wahyu Ilahi.

Tahun 2017 masihi hampir melabuhkan tirainya, kini tahun 2018 akan muncul dengan semangat dan azam yang baru buat semua warga KUIS supaya menjadikan tahun baru ini sebagai tahun yang lebih bermakna untuk mencapai kecemerlangan.

Sebagai pegawai KUIS, kerja adalah menjadi satu ibadah jika ikhlas, mengikut segala peraturan dan bersungguh di dalam segala pekerjaan kita. Justeru dengan kemunculan tahun 2018 ini marilah bersama-sama kita menerapkan Tujuh (7) Budaya Malu dalam kalangan pegawai KUIS bagi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan iaitu:

1. Malu Datang Lambat
2. Malu Cepat Pulang
3. Malu Tidak Berprestasi
4. Malu Melanggar Peraturan
5. Malu Berkata Perkara Keji
6. Malu Berpakaian Selekeh
7. Malu Berakhlak Tidak Sopan

Untuk mencapai kecemerlangan di dalam organisasi, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan dan menjalankan fungsi dan peranan masing-masing. Manusia juga ibarat puzzle. Setiap daripada kita mempunyai keunikan personaliti yang tersendiri. Hasil daripada kerjasama dan sinergi antara manusialah yang menjadikan kehidupan kita lebih jauh bermakna. Ibarat puzzle yang berlainan bentuk, berbeza posisi sekiranya digabung-jalinkan dan diletakkan pada tempat yang sepatutnya, akan memberikan satu gambaran baru yang jauh lebih besar, menarik dan jelas.

Firman Allah SWT “Sesungguhnya Allah menyukai mereka yang berjuang di jalanNya, dalam barisan yang seperti satu binaan yang tersusun rapi.” (Surah As-Saff : 4).

Justeru, saya menyeru kepada pensyarah, pelajar dan warga kerja KUIS agar marilah kita berganding bahu dan bekerjasama di dalam membangunkan KUIS sebagai sebuah institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan Islam kepada masyarakat sebagai tuntutan fardhu kifayah dan meletakkan ketinggian ilmu sebagai asas pembangunan insan dan kemajuan negara.

SELAMAT TAHUN BARU 2018

DISINI LAHIRNYA... DA'I, ULAMA & UMARA

PROFESOR DATO' DR. AB. HALIM TAMURI

Rektor



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

الكلية الجامعية الإسلامية العالمية سنڤالڤور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

Peranan

PENASIHAT UNDANG-UNDANG di KUIS

Temubual bersama Penasihat Undang-undang KUIS

Oleh : Siti Nurulain Zorkeply

Bolehkah Puan kongsi secara ringkas latarbelakang profesion Puan sebelum bergelar Penasihat Undang-Undang di KUIS dan juga penubuhan Pejabat Penasihat Undang-Undang di KUIS?

Setelah berjaya menamatkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sekitar tahun 2000 dan telah didaftarkan sebagai Peguambela Dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2002. Saya telah beramal sebagai Peguambela dan Peguamcara di Kuala Lumpur hampir 11 tahun sebelum memulakan langkah dengan persekitaran dan cabaran baru di KUIS pada pertengahan tahun 2012. Maka sekitar pertengahan tahun 2012 sehingga kini saya memikul amanah sebagai Penasihat Undang-undang.

Sewaktu saya mula menjawat jawatan pegawai undang-undang di KUIS, Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) ini baru beroperasi lebih kurang setahun lebih kerana PPUU ini baru sahaja ditubuhkan di KUIS sekitar tahun 2011 dengan peminjaman pegawai undang-undang daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Walaubagaimanapun, pekeliling Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah dikeluarkan terdahulu telah menyatakan

dengan jelas bahawa pegawai undang-undang perlu dijadikan sebagai salah seorang pegawai tertinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memantau, menasihati dan mengurangkan risiko IPT dari sudut perundangan apabila berurusan dengan pihak luar terutamanya melibatkan kontrak-kontrak perkhidmatan, kerja-kerja dan sebagainya dan juga pengiktirafan kedudukan penasihat undang-undang sebagai salah seorang pegawai tertinggi IPT sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan IPT yang digarispandukan oleh KPT. Rentetan itu, Lembaga Pengarah KUIS telah memutuskan bahawa pegawai undang-undang di KUIS sebagai salah seorang pengurusan tertinggi KUIS dengan jawatan Penasihat Undang-Undang. Maka dengan itu, bermula tahun 2013 selepas setahun saya menjawat jawatan pegawai undang-undang, saya telah diberikan kepercayaan dan amanah untuk memikul tanggungjawab sebagai penasihat undang-undang di KUIS sehingga sekarang.

Kini PPUU mempunyai empat (4) orang kakitangan yang terdiri daripada saya sendiri, seorang pegawai dan dua (2) orang kakitangan sokongan. PPUU beroperasi dengan pejabat sendiri yang terletak di aras bawah blok pentadbiran berhampiran dengan Pusat Mel KUIS. PPUU buat masa ini dikongsi bersama dengan Bahagian Audit Dalaman KUIS.

Jika peguam, rata-rata umum mengetahui peranan dan tugasnya, tetapi kemungkinan umum tidak begitu arif dan maklum berkaitan peranan Penasihat Undang-undang di sesebuah IPT khususnya di KUIS. Bolehkah Puan jelaskan serba sedikit peranan sebagai seorang Penasihat Undang-Undang?

Penasihat Undang-Undang (PUU) berperanan sebagai 'benteng pertahanan' paling hadapan kepada sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi bagi memastikan permasalahan dihadapi berkaitan perundangan terutamanya apabila melibatkan kontrak atau dokumen perjanjian mampu diselesaikan sebaik mungkin. Skop tugas penyandang jawatan itu adalah luas, termasuk memberi pandangan dan mengadakan rundingan supaya tindakan diambil dapat membuahkan kesan positif dan menghasilkan satu keputusan bagi sesuatu tindakan yang boleh mengurangkan risiko dan liabiliti terutama dari sudut perundangan.

Bidang kerjaya ini menjanjikan pengalaman berharga, termasuk bertemu dan berurusan dengan pelbagai pihak yang memiliki karakter berbeza serta latar belakang yang berlainan. Mereka yang ingin menceburi kerjaya ini perlu mempunyai kelulusan di dalam bidang undang-undang dan paling penting mempunyai pengalaman di lapangan selain memiliki minat mendalam serta sifat ingin tahu yang tinggi dan berani mengambil risiko. Di samping itu, PUU perlu berani mengeluarkan pendapat yang berlandaskan nas-nas perundangan dan mempertahankan pandangan yang dilontarkan. Individu yang menjawat jawatan ini perlu memiliki ilmu pengetahuan luas dan sentiasa bersedia mempelajari perkara baharu untuk memberi pandangan dan penasihat yang bernas dan jitu.



Di sini, saya memfokuskan kepada peranan Penasihat Undang-Undang di KUIS. PPUU adalah pejabat yang secara perundangannya mempunyai kuasa dan tugas sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan IPTS dan khususnya KUIS dan juga melaksanakan tugas dan kewajibannya di bawah arahan dan seliaan Rektor KUIS.

Di antara peranan utama PPUU di KUIS adalah memberikan penasihat kepada pihak-pihak yang berkaitan bagi mengurangkan risiko dari sudut perundangan, menyemak dan menderaf kontrak, perjanjian dan dokumen yang melibatkan pihak KUIS dan pihak luar, mengendalikan atau memantau kes-kes yang terlibat dengan tindakan perundangan dan kes mahkamah yang melibatkan KUIS, tadbir urus governan, menyemak dan meneliti pertuduhan bagi kes-kes disiplin pelajar, sumber rujukan bagi penasihat atau pandangan bagi tindakan tatatertib pegawai dan juga memantau penguatkuasaan bagi setiap undang-undang dan peraturan yang telah diwujudkan oleh pusat tanggungjawab berkaitan di KUIS.

Hakikatnya tugas dan peranan Penasihat Undang-undang atau umumnya PPUU adalah tidak berkaitan dengan tugas operasi (*operational duty*) tetapi adalah utama kepada pengurusan dan profesional penasihat dan pandangan berkaitan perundangan.

Teras utama PPUU adalah untuk sentiasa fokus menjadi bahagian yang berwibawa dalam memberikan perkhidmatan dan nasihat undang-undang yang profesional dengan cekap, tepat dan berkualiti dengan mengambil kira kepentingan, keadilan dan manfaat yang berterusan kepada KUIS.

Apakah cabaran Puan selama menyandang jawatan Penasihat Undang-undang di KUIS?

Cabaran utama saya adalah apabila saya perlu memastikan setiap pihak di KUIS tidak leka dan tidak terlepas pandang dalam menjaga dan melindungi kepentingan KUIS terutamanya dari sudut risiko dan liabiliti perundangan dan secara tidak langsung dari sudut implikasi kewangan apabila berurusan atau memasuki mana-mana transaksi dengan pihak luar.

Saya juga perlu tegas dan berprinsip apabila memberikan pandangan dan penasihat dari sudut undang-undang kerana

saya bertemu dan berurusan dengan pelbagai pihak yang memiliki karakter berbeza serta latar belakang berlainan. Saya perlu berani mengeluarkan pandangan dan pendapat serta berani mengambil risiko dan menerima tohmahan.

PPUU bertanggungjawab bertindak atau melakukan sesuatu tindakan dengan berintegriti, berpengetahuan dan berasaskan nas undang-undang bagi menyokong persekitaran dinamik pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan serta perundingan di dalam dan di luar KUIS. Saya beriltizam untuk menyediakan, menguruskan dan menyelaraskan semua perkhidmatan undang-undang kepada KUIS, sebagai satu institusi, bagi mengurangkan risiko dan liabiliti perundang-undangan, termasuklah mengurangkan implikasi kewangan dan akan sentiasa melakukan sedemikian dengan berkesan, boleh percaya dan professional.

Apakah harapan Puan khususnya kepada warga KUIS?

Saya berharap agar semua warga KUIS sentiasa bertanggungjawab dan melakukan sesuatu tindakan dengan berintegriti, berpengetahuan dan berasaskan nas undang-undang bagi mengelakkan sebarang risiko perundangan. Sentiasalah merujuk kepada PPUU sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan dan jangan menganggap bahawa PPUU ini tugasnya hanya menyiasat kesalahan sahaja. Dimana-mana pun kita mempunyai peruntukan undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi dan bukan untuk dilanggar dengan sewenang-wenangnya.



PN. ROHAIZA BINTI MAT NOH
Penasihat Undang-undang KUIS

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Aras Bawah, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000

+603 8925 2803

puu@kuis.edu.my

MAJLIS KONVOKESYEN SEMPENA 2 DEKAD KUIS

Oleh : Nurhairunisa Mohamad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terus membuktikan kecemerlangannya melahirkan graduan berkualiti yang menepati kehendak pasaran, bukan sahaja dalam kalangan pelajar tempatan tetapi juga luar negara. Seramai 1,834 graduan telah menerima anugerah masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Ke-20 KUIS yang berlangsung di Pusat Konvensyen, KUIS bermula pada 21 hingga 22 Oktober 2017 baru-baru ini. Daripada jumlah itu, 641 adalah graduan pascasiswazah dan 1,193 graduan pra-siswazah. Daripada jumlah itu, seramai 5 graduan luar negara menerima ijazah sarjana muda dan 4 graduan pascasiswazah dari 5 buah negara, iaitu Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Somalia. Anugerah telah disampaikan oleh Dato' Menteri Besar Negeri Selangor Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali. Tahniah diucapkan kepada semua graduan KUIS yang telah berjaya menamatkan pengajian. Semoga para graduan KUIS akan berjaya di dalam bidang yang diceburi.



Ucapan perasmian majlis konvokesyen KUIS oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor



Dato' Rektor menyampaikan skrol kepada graduan



Sebahagian para graduan KUIS yang telah menamatkan pengajian



Barisan Pengurusan KUIS bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor



YAB Dato' Menteri Besar Selangor bersama 7 pelajar terbaik

KUIS TERIMA ANUGERAH 4 BINTANG SETARA 2017

Oleh : Aliah Zulkifli

SISTEM PENARAFAN UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 2017 atau lebih dikenali sebagai SETARA 2017 adalah merupakan satu sistem penarafan yang mengukur empat (4) aspek penting dalam sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang meliputi profil institusi, kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan serta perkhidmatan dan penajaan pendapatan. Pengukuran ini dijalankan dengan menggunakan satu instrumen yang telah dibina secara komprehensif bagi mengukur tahap pencapaian Institusi Pengajian Tinggi. SETARA 2017 ini telah disertai oleh 105 buah IPT berstatus Universiti dan Kolej Universiti di Malaysia. Bagi penilaian SETARA 2017, penarafan dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu *Matured University*, *Emerging University* dan *University Colleges*.

KUIS telah terpilih sebagai salah sebuah IPT dalam kajian rintis pembinaan instrumen SETARA 2017. Bagi sistem penarafan SETARA 2017, KUIS merupakan antara 30 Kolej Universiti yang telah dinilai secara khusus mengikut kriteria tertentu. Pada 21 Ogos 2017, KUIS secara rasminya telah menerima kehadiran pasukan audit untuk menjalani proses audit penarafan SETARA 2017 berdasarkan kepada data yang telah dikumpulkan.

Pada tanggal 16 November 2017, KUIS secara rasminya telah dianugerahkan 4 bintang dalam satu Majlis Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA) 2017 oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh. KUIS berada di dalam kelompok pencapaian "Sangat Baik" yang menyaksikan sebanyak enam (6) buah Kolej Universiti di Malaysia yang turut menerima tahap yang sama.

Tahniah kepada Pengurusan dan Warga KUIS. Teruskan kecemerlangan di masa akan datang.



BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK

Aras 1, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 3409 / 3560 / 3325

+603 8925 7677 @ bpa@kuis.edu.my

KUIS TAWAR 23 PROGRAM BAHARU

Oleh : Aliah Zulkifli

KUIS menawarkan program di pelbagai peringkat bermula dari peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah. Bagi tahun 2017, sebanyak 23 program baharu telah mendapat akreditasi sementara oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan kelulusan pengendalian oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Program ini ditawarkan melalui 5 buah fakulti iaitu Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Fakulti Pengurusan Muamalah, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pendidikan dan Pusat Asasi. Program-program ini adalah merupakan program yang telah dirangka sendiri oleh KUIS dan telah mendapat pengiktirafan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Program tersebut adalah:

- Ijazah Doktor Falsafah Multimedia Kreatif
- Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan
- Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Bahasa Arab
- Ijazah Sarjana Ekonomi (Secara Penyelidikan)
- Ijazah Sarjana Kewangan Islam (Secara Penyelidikan)
- Ijazah Sarjana Perakaunan (Secara Penyelidikan)
- Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia
- Ijazah Sarjana Komunikasi
- Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pedagogi)
- Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Bahasa)
- Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam)
- Ijazah Sarjana Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan)
- Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)
- Ijazah Sarjana Pengajian Al-Hadith
- Ijazah Sarjana Pengajian Al-Quran
- Ijazah Sarjana Pengajian Ilmu Qiraat
- Ijazah Sarjana Usuluddin (Pemikiran Islam)
- Ijazah Sarjana Usuluddin (Perbandingan Agama)
- Ijazah Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti
- Ijazah Sarjana Sains (Multimedia Kreatif)
- Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Multimedia (Kepujian)
- Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Muamalat (Kepujian)
- Asasi Bahasa Inggeris

Sehingga November 2017, jumlah program yang ditawarkan oleh KUIS adalah sebanyak 71 buah program seperti berikut :

PERINGKAT	JUMLAH
Asasi	6
Diploma	19
Ijazah Sarjana Muda	22
Ijazah Sarjana	20
Ijazah Doktor Falsafah	4
Jumlah	71

ASPIRASI ZAKAT MENJANA PEMBANGUNAN MAHASISWA KUIS

Oleh : Halim Mokhtar

Dalam mendepani kepentingan zakat ke arah pembangunan ummah yang holistik, KUIS secara rasmi telah dilantik sebagai Penolong Amil Institut Pengajian Tinggi Swasta oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 21 April 2014 iaitu kebenaran untuk mengutip dan mengagihkan dana zakat. Hasil daripada kutipan zakat yang diperolehi, sebanyak 50% akan diserahkan semula kepada LZS dan 50% akan diagihkan terus kepada asnaf dari kalangan pelajar dan staf KUIS yang layak serta pembayar zakat diberikan pelepasan cukai oleh pihak LHDN.

Lantaran itu, penubuhan Bahagian Zakat, Wakaf dan Infaq (BZWI) pada bulan Januari 2017 sangat signifikan dalam kelangsungan memperkasa dan mempromosi kewajipan berzakat serta menguruskan dana zakat secara profesional dan berintegriti dari segi kutipan dan agihan. Justeru BZWI dengan penuh tanggungjawab merancang dan menyisir manhaj secara tuntas dan proaktif bagi memastikan dana zakat dapat diuruskan dengan sempurna demi menjamin pembangunan generasi Da'i, Ulama dan Umara.

Terkini BZWI terus berusaha secara agresif menterjemah kewajipan berzakat dengan definisi yang lebih luas dalam membangunkan ummah secara progresif dan efektif melalui bidang pendidikan dan berjaya meningkatkan jumlah pembayar serta kutipan zakat pada setiap tahun. Kejayaan ini telah melayakkan KUIS menerima Anugerah Prestasi Komitmen & Pengurusan Terbaik 2016 Kategori Penolong Amil IPT/IPTS di Majlis Anugerah dan Penghargaan Lembaga Zakat Selangor 2016 yang berlangsung pada 12 April 2017 di Shah Alam. Anugerah ini membuktikan bahawa KUIS komited untuk memperkasa instrumen zakat dalam pembangunan pendidikan.

Sinergi yang padu dikalangan komuniti terhadap obligasi berzakat, BZWI telah berjaya meningkatkan kutipan dana zakat sebanyak RM 1,750,622.11 bermula Januari sehingga Oktober 2017 berbanding RM 1,575,677.88 juta pada tahun 2016.

Peningkatan jumlah kutipan ini sangat bermakna dalam mengukur

Jumlah Kutipan Zakat Bermula Tahun 2014 hingga Oktober 2017

2014

RM409,411.22

2015

RM 888,409.18

2016

RM1,575,677.88

2017

RM1,750,622.11

aras kepercayaan dan menjadi wasilah bahawa setiap dana zakat disalurkan terus untuk membantu para mahasiswa yang memerlukan bantuan untuk meneruskan pengajian khususnya kepada para asnaf dari kalangan Asnaf Fakir, Miskin, Muallaf, Fisabilillah dan Ibnu Sabil.

Pihak BZWI dengan semangat "Peduli Siswa" telah menyalurkan dana zakat bantuan kepada 62 orang pelajar untuk menyelesaikan yuran pengajian sebanyak RM93,789.36. Seterusnya menyalurkan dana zakat bantuan persekolahan kepada 76 orang anak staf KUIS yang layak sebanyak RM 27,145.00 disamping dana zakat untuk memperkasa program dakwah di Masjid Al-Azhar KUIS sebanyak RM9,350.00. Sehingga bulan Oktober 2017 pihak BZWI telah mengagihkan dana zakat sebanyak RM 989,000.00 kepada asnaf yang layak dalam pelbagai bentuk bantuan khususnya bantuan sara diri dan yuran pengajian.

Dengan iltizam yang tinggi, BZWI meneruskan jerayawara secara progresif dengan tema "Berzakat Hidup Lebih Berkat", "Suci dan Suburkan Harta Dengan Berzakat", "BERSIH 2.5%" serta "Bahagia Dengan Memberi" menjadi aspirasi untuk mengajak dan menjemput para individu, masyarakat, Badan Korporat, NGO dan Syarikat swasta untuk menunaikan dan menyalurkan kewajipan berzakat di KUIS demi membantu mahasiswa yang sedang menuntut ilmu di jalan Allah swt dan melahirkan generasi pemimpin yang hebat melalui kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

Bagi menyempurnakan tanggungjawab berzakat, Kaunter Zakat KUIS akan beroperasi 5 hari seminggu dan pada bulan Disember 7 hari seminggu termasuk hari Sabtu dan Ahad. Sebarang informasi lanjut boleh menghubungi Penolong Amil (PA) iaitu PA Hanafi dan PA Fathi di talian 03 89117100/7022 atau layari laman sosial FB Pusat Zakat KUIS. Semoga usaha yang nirmala ini sentiasa diberkati Allah SWT demi kelangsungan pendidikan Ummah dan menjunjung tradisi ilmu.

#jomzakatdikuis

BAHAGIAN ZAKAT, WAKAF & INFAQ

Aras 1, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7094 / 7022 / 7075

+603 8922 2652

bzwi@kuis.edu.my

PENCAPAIAN MAHASISWA KUIS

Oleh : Mazzaid Mazelan



PING PONG JEMPUTAN RTM

7 Januari 2017 - Pasukan Ping Pong KUIS telah berjaya mengharumkan nama KUIS setelah berjaya menjadi johan dan membawa pulang Piala Pusingan daripada pihak RTM.



SILAT TAMING SARI UKM

19-22 Januari 2017 - KUIS yang diwakili oleh Persatuan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM KUIS) telah menyertai Pertandingan Kejuhanan Silat Taming Sari bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). PSSGM KUIS yang terdiri daripada 15 orang peserta secara keseluruhannya telah berjaya meraih 4 pingat gangsa dalam kesemua acara olahraga yang dipertandingkan. Sementara itu, 3 orang peserta lelaki telah diangkat sebagai Olahraga Putera iaitu Saudara Ammar Izzudin (Kelas A), Saudara Muhammad Amirul Amri (Kelas E) dan Saudara Aliff Aiman (Kelas I). Manakala seorang daripada peserta perempuan telah dinobatkan sebagai Olahraga Puteri bagi Kelas E iaitu Saudari Che Nurul Natasha.



SUKAN IPT WILAYAH PERSEKUTUAN

11-12 Februari 2017 - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Universiti Malaya (UM) telah menganjurkan Program Karnival Sukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017. Pasukan bola jaring berjaya meraih pingat gangsa dalam kejuhanan tersebut.



KEJOHANAN PENCAK SILAT PIALA TIMBALAN PERDANA MENTERI EDISI KE-8

2-7 Mei 2017 - Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia (PSSGM KUIS), telah menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Edisi Ke-8 (Deputy Prime Minister Tournament) bertempat di Dewan Konvokesyen Sultan Ibrahim, UTHM. Kontinjen KUIS yang terdiri daripada 35 orang peserta, secara keseluruhan telah berjaya meraih 2 pingat gangsa. Tahniah diucapkan kepada Saudara Muhammad Hasbullah kerana telah meraih gangsa bagi olahraga lelaki kategori Kelas E manakala acara olahraga lelaki kategori Kelas Bebas telah dimenangi oleh Saudara Adlee bin Abd Rahim juga meraih pingat gangsa.



KEJOHANAN SUKAN MASISWA

8-10 September 2017 - Kejohanan Sukan MASISWA Peringkat Zon Selangor di Sunway University. Kejohanan ini menghimpunkan semua IPTS dari seluruh Negeri Selangor. KUIS merangkul tempat ke-3 dalam acara bola jaring.



MAJLIS TILAWAH AL-QURAN ANTARA UNIVERSITI PERINGKAT KEBANGSAAN

21 Oktober 2017 - Saudara Muhammad Khairi Bin Maidin yang merupakan pelajar ASASI, KUIS telah mencipta nama serta mengharumkan nama KUIS apabila menjadi Johan dalam Majlis Tilawah Al-Quran Antara Universiti Peringkat Kebangsaan yang telah berlangsung pada bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Manakala Saudari Nur Fatimah Binti Abdul Zahir juga merupakan pelajar ASASI, KUIS berjaya membawa pulang hadiah saguhati dalam pertandingan berkenaan.



PERTANDINGAN PIDATO LEGASI TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

7 November 2017 - Bertempat di Menara Prisma, Putrajaya, Saudara Muhammad Adam Muhibullah bin Abdullah pelajar Ijazah Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan di KUIS telah dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga Pertandingan Pidato Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi.

KUIS TEMPAT KE-4 DALAM KEJOHANAN SUKAN IPT ISLAM MALAYSIA (SUPTIM XVIII) 2017

Oleh : Mazzaid Mazelan

Pada 25 hingga 30 November 2017, Kontinjen KUIS dengan kekuatan seramai 6 orang pegawai dan 60 orang atlet telah menyertai Kejohanan Sukan Institut Pengajian Tinggi Islam Malaysia (SUPTIM XVIII) 2017 bertempat di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar Perlis dan merupakan acara dwi tahunan anjuran gabungan Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) yang dijenamakan semula oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIPs) selaku tuan rumah.

Kontinjen KUIS telah berjaya meraih 3 pingat emas menerusi acara bola jaring, ping pong dan bola tampar (lelaki). Manakala 1 pingat perak berjaya disumbangkan oleh pasukan badminton KUIS. Kontinjen KUIS menduduki tangga keempat carta pungutan pingat keseluruhan.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian pingat telah sempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut hadir mewakili Pengurusan KUIS iaitu Dr. Zulkifli Bin Haji Abd Hamid, Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan dan Pengantarabangsaan) KUIS.



KUIS TEMPAT KE-3 SEPANDUK TERBAIK PERARAKAN BERSEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 1439H / 2017M

Oleh : Mazzaid Mazelan



1 Disember 2017, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menyertai Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1439H / 2017M dan telah mendapat tempat ketiga untuk Sepanduk Perarakan Terbaik bagi Kategori NGO/IPTA/IPTS/Masjid. Lebih 90 buah kontinjen yang terlibat dari pelbagai jabatan serta agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), masjid-masjid dan sekolah-sekolah.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. KUIS berjaya membawa pulang hadiah berupa mock cheque bernilai RM1,000.00, sijil penyertaan, dan plaque cenderahati.

Semoga usaha murni ini dapat terus dikekalkan dalam usaha meningkatkan nama baik KUIS serta sama-sama mengambil peluang menghayati perjuangan dan rasa cinta terhadap Nabi Muhammad S.A.W. Tahniah dan syabas kepada semua peserta kontinjen KUIS!

KUIS RANGKUL TEMPAT KE-3 KESUMAS 2017

Oleh : Raja Nor Ashikin Raja Ramli

2 Disember 2017 – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah berjaya merangkul tempat ke-3 dalam Kejohanan Sukan MAIS 2017 yang diadakan di Pusat Sukan UiTM Shah Alam. KUIS telah berjaya mengumpul 5 pingat iaitu 1 emas, 3 perak dan 1 gangsa dalam acara yang dipertandingkan. Syabas kepada semua atlet KUIS.



MEVLANA EXCHANGE PROGRAMME, SAKARYA UNIVERSITY

Oleh : Dr. Md Noor Hussin

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM

Aras 2, Blok Akademik 2,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7167

+603 8925 4402

fppi@kuis.edu.my

Bermula 26 Januari 2017 hingga 01 Jun 2017, seramai 11 orang pelajar Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor terlibat dengan program Mobiliti Pelajar ke Sakarya Universiti, Turki (Mevlana Exchange Programme, Sakarya University Turkey). 11 pelajar berkenaan merangkumi 5 Mahasiswa dan 6 Mahasiswi yang mengambil pengajian Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia. Kesemua mereka mengikuti program mobiliti ini dengan mendapat tajaan dari pihak Sakarya University Turkey.

Program ini merupakan antara program perintis melibatkan mahasiswa KUIS dengan Sakarya Universiti. Penyertaan pelajar dalam program ini diiringi oleh Pensyarah Kanan FPPI, Dr Hamidun Bin Mohamad Husin. Sementara itu, Timbalan Dekan (Pembangunan Mahasiswa dan Alumni) FPPI, Dr Md Noor Bin Hussin turut bersama-sama dengan pelajar di penghujung program mobiliti. Selain dari pelajar KUIS, Mevlana Exchange Programme ini turut melibatkan pelajar-pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kesemua peserta mobiliti telah ditempatkan di Fakulti Ilahiyat, Sakarya Universiti dan mengambil beberapa subjek utama di Fakulti tersebut di samping subjek tambahan di Fakulti Sosiologi dan Tomer. Penyertaan peserta mobiliti dari KUIS mendapat layanan dan kerjasama yang sangat baik dari Dekan Fakulti Ilahiyat, Profesor Dr Ahmad Boustanci. Beliau turut mencadangkan agar beberapa subjek utama yang menggunakan Bahasa Turki sebagai Bahasa pengantar tidak diambil oleh pelajar untuk mengelakkan kegagalan dalam peperiksaan akhir. Antara subjek-subjek yang telah dipelajari oleh peserta mobiliti ialah Ulum Al-Quran, Hadith, Tafsir Al-Quran, Sosial Psikologi, *Islamic Thought* dan *Turkish Class*.

Antara program-program menarik yang diikuti oleh peserta sepanjang program mobiliti berlangsung ialah orientasi pelajar ke Kartepe dan Tasik Sapanca, "Sapanca Bicycle Tour", Program Hi-tea, Minggu Pelancongan (peserta mobiliti memperkenalkan negara masing-masing), "Program Shalale" (rehlah bersama pihak Fakulti Ilahiyat), Lawatan ke Universiti Duzce, "Program Ziarah Canakkale" bersama Dr. Hafidzi, Festival Kebudayaan (mengetahui budaya masyarakat seluruh Turki) dan pelbagai lagi program-program yang menarik.

Disamping pelbagai aktiviti yang menarik, kebanyakan peserta mobiliti berkongsi kenangan dan pengalaman yang menyeronokkan sepanjang mengikuti pelbagai program yang telah disusun oleh pihak Sakarya Universiti seperti "Learning Turkish Language Hardly", "Lovely Ladies Programme", "Yedi Renk Programme", Rehlah Komuniti Malaysia-Turki, Bengkel Asas "Adobe Photoshop" dan sebagainya. Peserta mobiliti juga tidak akan melupakan kenangan indah menikmati keseronokan bermain salji sempena musim sejuk di Turki ketika itu di samping dapat mengenali lebih dekat masyarakat Turki. Mereka juga mengambil peluang untuk menziarahi tempat-tempat menarik yang terdapat di Istanbul, Sakarya dan lain-lain tempat yang berdekatan. Pengangkutan yang efisien yang terdapat di Turki banyak mempermudah pergerakan dari satu tempat ke tempat yang lain.

Di samping pengalaman menarik yang diperoleh peserta mobiliti, mereka juga tidak akan melupakan kesukaran yang dihadapi untuk membiasakan diri dengan makanan dan minuman di peringkat awal keberadaan mereka di Turki. Mereka juga banyak menggunakan bahasa isyarat di peringkat awal kerana ramai di kalangan warga Turki di Sakarya tidak dapat berkomunikasi dalam Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris. Namun, situasi ini sebenarnya membantu mereka untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Turki dengan cepat dan singkat.

Antara nasihat dan pesanan penting untuk pelajar-pelajar KUIS yang akan mengikuti program mobiliti (Mevlana Exchange Programme) pada tahun 2018 ialah perlu belajar membiasakan dan menyesuaikan diri dengan cepat serta memahami budaya dan adat kebiasaan orang-orang Turki untuk lebih cepat bergaul dan bernesra dengan mereka. Pelajar juga perlu menjaga akhlak dan adab ketika berada di negara luar dan berusaha menikmati peluang belajar di sana.

Pengalaman mengikuti "Mevlana Exchange Programme" di Sakarya Universiti kepada pelajar-pelajar KUIS merupakan peluang yang perlu dimanfaatkan sebaik mungkin. Di samping pengalaman dalam aspek akademik dan ko-kurikulum, pelajar juga dapat menikmati suasana yang nyaman dan tenang di Sakarya serta dapat berhubung dan berinteraksi dengan peserta mobiliti dari negara yang berbeza-beza.

FAKULTI SYARIAH & UNDANG-UNDANG : FAKULTI UMMAH

Oleh : Muhamad Subari Ramli

Kelulusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KUIS Bil 3/2016 pada 26 Ogos 2016 merealisasikan penubuhan Fakulti Syariah Undang-Undang (FSU) pada tarikh 1 Februari 2017 yang berkait rapat dengan hasrat pengurusan KUIS untuk melihat sebuah fakulti yang menjadi *niche* kepada institusi ini. Dengan motto "Peneraju Profesionalisme Syariah", penubuhan FSU diharap dapat memenuhi keperluan dan kehendak stake holder khususnya masyarakat awam yang memerlukan sebuah institusi rujukan khususnya dalam bidang syariah dan perundangan Islam.

Bermula dengan saiz jabatan dalam fakulti, kini FSU berkembang sebagai sebuah entiti yang mengendalikan pelbagai sub-bidang syariah dan undang-undang. Menawarkan lima program di pelbagai peringkat pengajian iaitu Diploma Pengajian Islam (Syariah), Diploma Syariah Dan Undang-undang, Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-undang, Sarjana Muda Syariah Dengan Muamalah dan Sarjana Syariah (Pengurusan).



FSU turut menyokong mendaulatkan kepentingan institusi diraja dan undang-undang syariah

Berdasarkan keperluan industri, beberapa program sedang dibangunkan dan sedang menunggu kelulusan pihak berwajib. Antaranya Diploma Eksekutif Zakat, Sarjana Undang-undang dan Doktor Falsafah Syariah Undang-undang. Sehingga hari ini, seramai 4,000 alumni FSU telah berada di pasaran kerjaya dalam pelbagai bidang yang berkait dengan syariah dan undang-undang sama ada sebagai personel guaman dan kehakiman, tenaga pendidik, pegawai agama, penasihat syariah mahupun sebagai usahawan atau selebriti. Secara tidak langsung, fakulti ini turut menyumbang kepada pembangunan ummah dalam menyediakan individu yang kompeten dalam kerjaya.

Dengan jumlah mahasiswa semasa melebihi 1,400 orang, FSU yang diterajui Dekannya iaitu Dr. Mohd Musa Sarip terus fokus untuk melahirkan graduan yang kompeten dari segi ilmu dan kemahiran insaniah agar keberadaan mereka di tengah-tengah masyarakat dapat diterima dan memenuhi keperluan. Justeru, pembangunan program ilmu, sahsiah dan kemahiran mahasiswa digembleng dan diadakan serentak selama tempoh pengajian mereka di sini. Siri-siri



Multaqa Fuqaha Kebangsaan 2017

seminar, kolokium, *industrial talk*, syarahan profesor dan sebagainya menjadi elemen sokongan kepada kelas pengajian sedia ada.

Program mobiliti pelajar ke luar negara, latihan industri, aktiviti persatuan, khidmat masyarakat, aktiviti kokurikulum malah menyertai pertandingan peringkat inter-universiti telah menjadi pemangkin kepada kompetensi individu pelajar. Tidak ketinggalan pembangunan penyelidikan melalui geran-geran peringkat dalam dan luar KUIS telah meningkatkan kompetensi dan kredibiliti tenaga pensyarah fakulti ini. Sejalan dengan itu juga, FSU mengambil langkah pro aktif dengan menggiatkan sinergi hubungan MoU sedia ada dengan IPT tempatan, luar negara termasuklah industri bagi membuka peluang seluas-luasnya kepada pembangunan pelajar, pensyarah dan FSU itu sendiri. Antara hasilnya, khidmat nasihat guaman dan rundingcara hukum melalui Klinik Rundingcara Syariah Dan Undang-undang (KRC) yang ditubuhkan melalui MoU antara KUIS dan Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

Beroperasi secara rasmi pada 2 Mei 2017, KRC dikendalikan oleh peguam Syarie bertauliah yang merupakan anggota PGSM. Khidmat percuma ini memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie khususnya berkaitan isu kekeluargaan tanpa sebarang kos. Khidmat ini boleh diakses antara jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengahari pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga setiap bulan secara temujanji atau *walk-in*. Selain membantu masyarakat memahami keperluan dan tuntutan undang-undang, pengalaman secara langsung dan *hands-on* dapat dikongsi bersama para pelajar yang turut bersama mengendalikan operasi KRC. Khidmat ini menjadi satu *benchmark* kepada khidmat ummah FSU yang lain, bukan sekadar berkongsi pengalaman dan kepakaran, malah menjadi promosi tidak langsung kepada FSU sebagai sebuah fakulti yang mengambil berat keperluan semua pihak.

FAKULTI SYARIAH & UNDANG-UNDANG

Aras 1, Blok Akademik 3,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 6310

+603 8925 4402 @ fsu@kuis.edu.my



Tujuan sekolah ini dibina adalah untuk membantu anak-anak yang kurang berkemampuan ini untuk turut sama seperti anak-anak Thailand yang lain menimba ilmu akademik serta agama.

KUIS melalui Persatuan Mahasiswa Sumber Manusia (PERMASUM) telah menganjurkan program CSR ini bagi membantu pelajar-pelajar golongan tidak berkemampuan di sekolah ini khususnya dalam menguasai Bahasa Inggeris. Penganjuran ini juga membuka ruang kepada KUIS untuk menghulurkan bantuan dari segi kewangan dan makanan asasi kepada pelajar di sekolah tersebut. Peserta program seramai 17 orang dengan diiringi oleh seorang pensyarah pengiring turut melakukan program CSR membersihkan sebuah masjid di kampung itu. Ziarah ke 10 buah rumah di sekitar Loh Lanta Krabi juga diadakan dengan disertai sumbangan berupa makanan keperluan. Semoga penganjuran program sebegini dapat mengeratkan silaturrahim Malaysia melalui KUIS dengan masyarakat Islam di selatan Thailand di samping dapat menambah baik masa depan mereka. Program ini juga telah membentuk jati diri mahasiswa KUIS untuk lebih bersikap positif, berkepimpinan dalam melaksanakan tugas serta meningkatkan kemahiran insaniah agar pendidikan holistik yang dihasratkan dapat direalisasikan.

KUIS DI HATI, KUIS PILIHAN SEMUA

Oleh: Dr. Norziah Othman

'Pay us with Smile' ...itu sahaja yang perlu masyarakat lakukan. Program mentoring 'Smile and Say Alhamdulillah' ini melibatkan seramai 47 orang pelajar Fakulti Pengurusan dan Muamalah di bawah seliaan Puan Junainah Idris ini telah diadakan di sekitar Jalan Tunku Abdul Rahman pada 16 September 2017 yang lalu. Biskut yang dimasak sendiri oleh pelajar telah diagihkan secara percuma kepada pengunjung yang lalu-lalang di jalan tersebut. Program ini diadakan bertujuan mewujudkan persekitaran yang positif dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya apabila pemberian ini hanya perlu dibalas dengan senyuman dan ucapan Alhamdulillah.

Konsep syukur yang cuba diketengahkan ini mendapat maklumbalas yang menggalakkan apabila ucapan tahniah tidak putus-putus diterima atas penganjuran program sebegini. KUIS juga nampaknya berjaya menambat hati masyarakat Malaysia secara tidak langsung apabila penampilan pelajar-pelajar ini mendekati mereka agak menonjol dan menarik perhatian.



Antara pelajar Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS yang terlibat.

CSR 2.0 KUIS DI ANUBAN WANGTHONG ISLAMIC SCHOOL, KRABI, THAILAND

Oleh: Dr. Norziah Othman

Program Corporate Social Responsibility (CSR) siri kedua di Anuban Wangthong Islamic School, Koh Lanta Krabi, Thailand telah diadakan pada 31 Oktober – 7 November 2017. Sekolah yang mempunyai lebih kurang 450 orang pelajar berumur dari 5 tahun hingga 12 tahun ini terletak jauh dari bandar Krabi. Pelajar-pelajar di sini keseluruhannya tinggal di perkampungan kecil di sekitar Koh Lanta Krabi, Thailand. Semua pelajar tersebut adalah beragama Islam dan hampir kesemuanya adalah berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan.

FAKULTI PENGURUSAN & MUAMALAH

Aras Bawah, Blok Akademik 1,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7181

+603 8925 4472

fpm@kuis.edu.my

PROGRAM MOBILITI PELAJAR KUIS KE ST3 PURWOKERTO, INDONESIA.

Oleh : Marziana Abdul Majid

Seramai 8 orang pelajar Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Teknologi Rangkaian) dari Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah mengikuti program Mobiliti Pelajar ke Sekolah Tinggi Teknologi Telematika Telkom (ST3) di Purwokerto, Indonesia bermula 14 Oktober hingga 20 Oktober 2017 lalu.

Program ini julung kali dianjurkan oleh FSTM. Oleh yang demikian, hanya 8 orang pelajar dipilih untuk mengikuti program mobiliti ke luar negara pada penganjuran kali ini.

Pelbagai aktiviti disediakan oleh pihak ST3 sebagai pengisian kepada program antaranya pengabdian masyarakat, latihan kentongan (muzik tradisional), baturaden tour (mendaki), lawatan ke tempat pembuatan mendoan dan juga melawat beberapa tempat menarik seperti Muzium Ullen Sentalu, Prambanan, dan Yogyakarta.

Matlamat program mobiliti ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta tentang kehidupan masyarakat luar khususnya di negara lain. Selain pendedahan terhadap kepelbagaian gaya hidup masyarakat, para peserta juga dapat berkongsi dan menimba ilmu khususnya berkaitan bidang teknologi komputer yang digunapakai dalam pembelajaran di ST3. Ini kerana ST3 merupakan salah sebuah institusi pendidikan di Indonesia yang menggunakan teknologi moden dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Selain diberi peluang menghadiri kelas-kelas yang dijalankan di kampus ST3, para peserta dari KUIS juga diberi pendedahan terhadap masyarakat luar. Mereka berpeluang bersama masyarakat melalui aktiviti mengacau dodol tradisi, mencanteng batik, bermain gamelan dan kentongan serta memukat hasil laut. Program mobiliti pelajar ini telah mendapat liputan meluas di media Indonesia. Sepanjang program ini berlangsung, Ketua ST3 Telkom; Dr Ali Rokhman sentiasa turut serta menemani para peserta KUIS.

Para peserta yang mengikuti program ini sangat teruja kerana dapat memanfaatkan cuti semester mereka dengan program yang berfaedah seperti ini. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI MAKLUMAT

Aras 1, Blok Teknologi Maklumat,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7197

+603 8925 4473

@ fstm@kuis.edu.my



Para pelajar KUIS bersama pensyarah pengiring; Tuan Hj. Che Wan Shamsul Bahri di KLIA sebelum berlepas ke Purwokerto.



Sebahagian peserta dari KUIS berpeluang mencanteng batik mengikut kreativiti masing-masing.



Pihak pengurusan ST3 sentiasa memberi layanan dan sokongan yang baik dalam setiap aktiviti.

KUNJUNGAN MOBILITI & PENGANJURAN ISOT 2017

Oleh : Suhana Mohamed Lip

BUKIT TINGGI, INDONESIA - Program mobiliti pensyarah dan pelajar KUIS telah dilaksanakan pada 29 Oktober 2017 sehingga 11 November 2017 yang melibatkan dua orang pensyarah dan 14 orang pelajar dari Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Fakulti Pendidikan (FP) dan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS. Program ini merupakan kesinambungan kepada program mobiliti pensyarah dan pelajar IAIN Bukit Tinggi di KUIS pada 28 November hingga 11 Disember 2016 yang lalu.

Program mobiliti ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pensyarah dan para pelajar bertukar-tukar pandangan dan menimba pengalaman berkaitan perjalanan program pengajian, aktiviti pelajar dan penyelidikan disamping mengenali budaya serta kehidupan masyarakat setempat. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut melibatkan aktiviti perkembangan ilmu dengan mengikuti kuliah, perjumpaan bersama pimpinan dan pengurusan IAIN Bukit Tinggi dan diskusi ilmiah bersama komuniti serta lawatan ke beberapa tempat seperti Istana Harau Payakumbuh, Istana Pagaruyung, Masjid Jamik Birugo Kota Tinggi Indonesia, Puncak Lawang, Muzium dan Rumah Kelahiran Buya Hamka, Muzium dan Rumah Kelahiran Bung Hatta dan lain-lain. Pelajar juga berpeluang bersiaran dalam slot Dinamika Kampus di Radio Republik Indonesia bagi tujuan promosi kepada program KUIS serta pengenalan kepada program yang dilaksanakan. Program mobiliti ini selain memberikan pengalaman bermakna kepada pelajar juga memberikan impak yang positif dalam mengukuhkan hubungan dan jaringan kerjasama akademik di antara KUIS dan IAIN Bukit Tinggi.

Program mobiliti ini disemarakkan lagi dengan penganjuran International Seminar on Tarbiyah kali ke 3 (3rd ISoT) yang dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, KUIS dengan kerjasama Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan, IAIN Bukit Tinggi pada 10 November 2017. 3rd ISoT 2017 ini telah dirasmikan oleh Rektor IAIN Bukit Tinggi, YBhg. Dr. Ridha Ahida M. Hum dengan disaksikan oleh Rektor KUIS, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri.

Perkongsian dari kedua-dua buah Institusi dimanfaatkan dengan pembentangan kertas kerja utama daripada Dr. Zulkifli bin Abd Hamid, Timbalan Rektor Pengurusan Korporat (Pembangunan dan Pengantarabangsaan), KUIS dan Dr. Asyari, S. Ag, M. Si, Wakil Rektor IAIN Bukit Tinggi (Bidang Akademik dan Pengembangan Lembaga).

50 kertas kerja telah dibentangkan di 3rd ISoT yang melibatkan 32 kertas kerja dari Malaysia dan dibentangkan oleh pembentang-pembentang dari KUIS dan beberapa Universiti Awam seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaya (UM) serta 18 kertas kerja dari Indonesia yang dibentangkan oleh pembentang dari IAIN Bukit Tinggi. Kunjungan ke Bukit Tinggi ini juga membuka ruang kerjasama baru dalam rangka lawatan akademik ke Madrasah Aliyah Kulliyatul Muballighien Muhammadiyah (MA KMM), Padang Panjang Indonesia di samping menelusuri sejarah tokoh cendekiawan Prof. Dr. Haji Abdul Malik bin Dr. Syekh Haji Abdul Karim Amrullah atau lebih dikenali dengan nama Hamka.

Kerjasama erat yang terjalin di antara KUIS dengan institusi-institusi luar Negara melalui program mobiliti, seminar dan program-program akademik diharap dapat diteruskan dan dikukuhkan dalam rangka kerjasama pada masa akan datang.

FAKULTI PENDIDIKAN

Aras 1, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

+603 8911 7000 sambungan 1310

+603 8925 4459

fp@kuis.edu.my



SADAQA HOUSE BOOK LAUNCH DURING WIEF 2017

by : International Research Centre of Islamic Economics & Finance

On 22 November 2017, IRCIEF, KUIS has successfully launched Sadaqa House book entitled "Its Viability in the Islamic Banking Framework" during the World Islamic Economic Forum (WIEF) held in Borneo Convention Centre, Kuching, from 21st – 23rd November 2017.

The launching ceremony was officiated by Dato' Dr. Abdul Halim Ismail, the 2014 Royal Award Winner for Islamic Finance. The ceremony was attended by Professor Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Rector of KUIS; Mr. Saiful Anwar Hambali, Deputy Chief Shariah, BIMB; the authors and participants from various institutions.

International Research Centre of Islamic Economics and Finance (IRCIEF) is a research centre that focuses on Islamic Banking and Finance. In this respect, IRCIEF acts as a centre which allows academicians and industry players to meet and discuss together on issues, solutions and recommendations in the field of Islamic Economics and Finance.

This year has marked a history to IRCIEF specifically and KUIS generally in its achievement since it is established. Sadaqa House project has gone through a tough journey starting from 2014 in order to benefit the mankind. In September 2017, IRCIEF finally manage to harvest the outcome with the launching of Green Report. By launching the Sadaqa House book during the 13th WIEF, IRCIEF had made another great achievement for the Sadaqa House project.

Basically, the book contains outcomes of the research activities pertaining to the subject matter expert in which BIMB is one of the contributing members. This book is the first of its kind enlightening the concept of Sadaqa House within the Islamic banking framework. It highlights the fundamental principles governing the concept and operational and practical aspects of its implementation. Any interested party would find this book insightful since it provides detailed information regarding its possible establishment.

It is also indeed a worthy endeavour when the term 'Sadaqa House' has been included in "Strategic paper Bank Negara Malaysia" entitled "Value – Based Intermediation". This inclusion will allow any interested banks in Malaysia to execute the Sadaqa House project.

With the launching of this practical and viable product, Islamic Finance sector can get a new idea and improvement and may this effort always be in the blessings of Allah s.w.t.



Few guest that attending the launch ceremony came from industry experts and academicians from various institution.



From left; Mr Saiful Anwar Hambali, Deputy Chief Shariah Officer, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Dato' Dr. Abdul Halim Ismail & Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Rector of KUIS during keynote address session.



Sadaqa House Book Launch by Dato' Dr Abdul Halim Ismail accompanied by Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri, Rector of KUIS and Mr Saiful Anwar Hambali, Deputy Chief Shariah Officer.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) YANG TELAH DIMETERAI O

MOU DALAM NEGARA

AGENSI/IPT	TARIKH METERAI	TARIKH TAMAT	TEMPOH
Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuan (KITTIS)	23 Mac 2017	22 Mac 2022	5 tahun
Kolej Antarabangsa INPENS	27 April 2017	27 April 2019	2 tahun
Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM)	27 April 2017	27 April 2019	2 tahun
Sekolah Menengah Islam IQKL	9 Jun 2017	9 Jun 2022	5 tahun
Pendidikan IKRAM MUSLEH Berhad	9 Jun 2017	9 Jun 2022	5 tahun
Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')	1 Ogos 2017	1 Ogos 2022	5 tahun
Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM)	1 Ogos 2017	1 Ogos 2022	5 tahun
Yayasan Restu	1 Ogos 2017	1 Ogos 2022	5 tahun



MOA DALAM NEGARA

AGENSI/IPT	TARIKH METERAI	TARIKH TAMAT	TEMPOH
Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS)	23/03/2017	22/03/2019	2 tahun
Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn Bhd (APY)	8/11/2017	31/12/2017	2 Bulan

) & MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) LEH KUIS PADA TAHUN 2017

MOU LUAR NEGARA

AGENSI/IPT	TARIKH METERAJ	TARIKH TAMAT	TEMPOH
Yayasan Pesanten Anak Sholeh Baitul Qur'an, Gontor, Indonesia	16 Januari 2017	15 Januari 2022	5 tahun
Sekolah Tinggi Agama Islam Darularafah (STAIDA)	26 Februari 2017	26 Februari 2022	5 tahun
Institut Agama Islam Negeri Padang Simpuan (IAIN)	26 Februari 2017	26 Februari 2022	5 tahun
Universitas Al-Wahliyah Medan (UNIVA)	28 Februari 2017	28 Februari 2022	5 tahun
Humanitarian Pedagogical College Dagestan	15 Mac 2017	-	-
Dagestan Humanitarian Institute	15 Mac 2017	-	-
Istanbul Sabahattin Zaim University (IZU)	23 Mei 2017	-	-
Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA) CONPHA	23 Mei 2017	-	-
Universitas Islam Assyafiiyyah (UIA) Indonesia	1 Ogos 2017	1 Ogos 2022	5 tahun
IAIN Metro Lampung Indonesia	24 Oktober 2017	23 Oktober 2022	5 tahun
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Brunei Darussalam (KUPUSB)	25 Oktober 2017	24 Oktober 2022	5 tahun
Xi'an Muslim Business Chamber of Commerce China & Upaya Vista Sdn Bhd	26 Oktober 2017	25 Oktober 2019	2 tahun



MoU KUIS - Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM)



MoA KUIS - Sekolah Tinggi Agama Islam Darularafah (STAIDA) Medan, Indonesia

MOA LUAR NEGARA

AGENSI/IPT	TARIKH METERAJ	TARIKH TAMAT	TEMPOH
Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE EKUITAS) Bandung, Indonesia	01 April 2017	01 April 2018	1 tahun
University of Darussalam Gontor (UNIDA), Jawa Timur, Indonesia	23 Julai 2017	23 Julai 2020	3 tahun
Sekolah Tinggi Agama Islam Darularafah (STAIDA) Medan, Indonesia	30 Oktober 2017	30 November 2019	2 tahun

SEMINAR KUIS 2017

PROGRAM / KURSUS / SEMINAR	TARIKH / LOKASI	ANJURAN
Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi (ISRA)	1- 7 Mac di Kaherah, Mesir	Jabatan Usuluddin & Dakwah, FPPI
Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2017	26 April di KUIS	PPT dengan kerjasama JAIS, KITA UKM, IAIN Bukit Tinggi, UNISSA
Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017 (PASAK 2)	26-27 April di KUIS	PPT dengan kerjasama Persatuan Sains Sosial, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan. Jawatan Kuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains Teknologi & Inovasi Pejabat Ahli Majlis Negeri Selangor
Seminar on Zakat, waqf & Sadaqah 2017	19 April di The Royale Chulan, Kuala Lumpur	KUIS dengan kerjasama IAIS, BIMB & MARSAH
Wacana Alumni Jordan	28 Mac di KUIS	ISESCO Pusat dengan kerjasama ISESCO Malaysia
4 th ISESCO Regional Conference (4 th ISESCon)	3 - 7 April di Langkawi	ISESCO dengan kerjasama BPI, KPM
Bengkel Pengajaran Pedagogi Bahasa Arab	11 Mei LPG Bangi	ISESCO dengan kerjasama KPM & IPG
Conference on Philantrophy Humanitarian Aid (CONPHA) 2017	23 - 24 Mei di UNISSA Brunei	IRCIEF dengan kerjasama UNISSA
Wacana Pendidikan Islam	14 Jun di KUIS	BPI, KPM dengan kerjasama ISESCO
Wacana Industri Siri 1/ 2017: Cabaran Profesion Kepeguaman & Kehakiman Syar'ie	4 Julai di KUIS	Sekretariat Persidangan & Wacana dengan kerjasama FSU, KUIS
Seminar on Tarbiyah 2016 (ISOT 2016)	25 - 29 Mei di Bandung, Indonesia	KUIS dengan kerjasama Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung
International Conference on Akidah & Islamic Thouht (INConAIT)	27 - 30 Mei di Makassar, Indonesia	Jabatan Usuluddin & Dakwah, FPPI
3 rd International Conference on Islamiyyat Studies (IRSYAD)	1 - 2 Ogos di Bangsar, Kuala Lumpur	Fakulti Pengajian Peradaban Islam
3 rd International Conference on Economics & Banking (3 rd ICEB)	8 - 9 Ogos di Aruan Hotel Senggigi Lombok, Indonesia	STIE Ekuitas Bandung, Indonesia dengan kerjasama FPM
3 rd International Conference on Information Technology & Society (3 rd ICITS 2017)	31 Julai - 1 Ogos di Bayview Hotel & Resort, Pulau Pinang	FSTM dengan kerjasama WCR
1 st International Conference on Research, Language & Education (ICoraLE 2017)	11 Oktober di KUIS	Fakulti Pendidikan
National Seminar in Education Issues (INSPEN 2017)	12 Oktober di KUIS	FP dengan kerjasama UM
4 th International Conference on Management & Muamalah (4 th ICoMM 2017)	7 - 8 November di Hotel Palm Garden, Putrajaya	FPM dengan kerjasama Akademi Pengurusan YAPEIM (APY) Sdn. Bhd.
3 rd International Fiqh Conference (IFC)	15 November di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	FSU dengan kerjasama Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam
Multaqa Fuqaha' Kebangsaan	16 November di Hotel Bangi-Putrajaya, Bandar Baru Bangi	FSU dengan kerjasama MDN & UNISEL

KUIS TERIMA 3,273 PELAJAR BAHARU 2017

Oleh : Ani Abdul Jalil & Mudzilah Aishah Pawanteh

Bagi tahun 2017, Bahagian Pemasaran & Komunikasi (BPK) telah mengatur strategi melalui jaringan awal ke sekolah-sekolah menengah dengan mensasarkan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan SPM, STPM, STAM dan Vokasional. Promosi 2017 telah dilaksanakan di 44 buah sekolah, 30 pameran pendidikan yang melibatkan seramai 132 orang Sekretariat Pemasaran KUIS yang dilantik.

Hasil promosi yang telah dijalankan sepanjang tahun seramai 3,273 pelajar baharu telah mendaftar dan melanjutkan pengajian di semua peringkat iaitu Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Statistik kemasukan pelajar baharu 2017 adalah seperti berikut:

PENDAFTARAN PELAJAR TEMPATAN TAHUN 2017

FAKULTI / PUSAT	SESI I	SESI II	JUMLAH
Pusat Asasi	523	71	594
Fakulti Pengurusan & Muamalah	600	283	883
Fakulti Syariah & Undang-Undang	294	128	422
Fakulti Pengajian Peradaban Islam	557	212	769
Fakulti Sains & Teknologi Maklumat	174	48	222
Fakulti Pendidikan	244	139	383
JUMLAH	2,392	881	3,273

PENDAFTARAN PELAJAR ANTARABANGSA TAHUN 2017

PERKARA	SESI I	SESI II	JUMLAH
Pelajar yang Mendaftar	19	19	38

BAHAGIAN PEMASARAN & KOMUNIKASI

- Aras Bawah, Blok Pentadbiran,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- +603 8911 7000 sambungan 2240 / 1418 / 1220 / 1205
- +603 8926 8462 @ info@kuis.edu.my



Pendaftaran pelajar baru di Pusat Konvensyen KUIS



Ikon KUIS, Ustaz Don Daniyal turut mendaftar untuk program pascasiswazah



Pelajar-pelajar baru sedang melalui proses pendaftaran pada ambilan pertama sesi I 2017 / 2018



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الكلية الإسلامية العالمية بيننا الجوى
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

BAHAGIA DENGAN MEMBERI

SALURKAN SUMBANGAN ANDA MELALUI
WAKAF, ZAKAT & INFAQ
DALAM MELAHIRKAN GENERASI

DA'I, ULAMA & UMARA'

“dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki”
(As-saba; : 39)



+603 8911 7094/8911 7022

Bahagian Zakat Wakaf & Infaq KUIS - BZWI

BAHAGIAN ZAKAT, WAKAF & INFAQ
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR, BANDAR SERI PUTRA, 43000 KAJANG, SELANGOR
www.kuis.edu.my

PERKHIDMATAN KOPERASI KUIS

- KEDAI SERBANEKA
- PENGINAPAN HOMESTAY
- SEWAAN KANOPI
- PERSIDANGAN AKADEMIK / KONFERENS
- KEDAI PHOTOCOPY
- SEWAAN VAN
- KEM CUTI SEKOLAH
- PENGANGKUTAN PELAJAR KUIS / SEKOLAH



AL-MANZIL HOMESTAY

www.kokuis.my
 Dimiliki oleh : Koperasi KUIS (8 2 050)
 Tel : 013 - 9185232 | 016 - 6692011

HomeStay al-Manzil

RM220 1 MALAM
 Special Rate kepada yang menginap lebih 7 Malam

B-G-8, Apartment, Melati, (Ground Floor)
 Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor

www.kokuis.my | 013-9185232 / 016-6692011



Kemudahan disediakan:

- ▶ 3 Bilik Tidur
- ▶ 2 Kall Queen
- ▶ 1 Kall Single
- ▶ Set Sofa
- ▶ 3 Buah Aircord
- ▶ TV + ASTRO
- ▶ Set Meja Makan
- ▶ Dapur Gas, Oven & Peti Sejuk
- ▶ Mesra OKU & Warga Emas

Tempat Berhampiran:

- KLIA 1 (10 Minit)
- KLIA 2 (10 Minit)
- UKM (25 Minit)
- KUIS (5 Minit)
- USIM (10 Minit)
- Nilai 3 (10 Minit)



KABAR

KURSUS ASAS BAHASA ARAB

KEMASUKAN:
 04 DIS 2017 (ISNIN) | 04 JUN 2018 (ISNIN)
 Masa: 10.00 pg - 05.00 ptg | Masa: 10.00 pg - 05.00 ptg

YURAN : RM1650 per modul

KUISCELL Sdn. Bhd.
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
 Aras Bawah, Blok Pentadbiran KUIS, Persiaran 1,
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

Untuk maklumat lanjut:

013-224 8624

kuiscell.com

03-8912 1636

Jom Belajar Bahasa Arab | KUISCELL

